

See discussions, stats, and author profiles for this publication at: <https://www.researchgate.net/publication/301731607>

SEJARAH PERKAMA DAN KEPIMPINAN TAN SRI DR. NORDIN KARDI (2005 – 2013)

Article · January 2015

CITATIONS

0

READS

1,198

3 authors, including:



Ahmad Jazimin Jusoh

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

41 PUBLICATIONS 30 CITATIONS

SEE PROFILE

Some of the authors of this publication are also working on these related projects:



NRGS on Future Teachers [View project](#)

SEJARAH PERKAMA DAN KEPIMPINAN TAN SRI DR. NORDIN KARDI (2005 – 2013)

Nor Hafizah Mohammad Hanafi
Ahmad Jazimin Jusoh

ABSTRAK

Artikel ini melaporkan kajian tentang sejarah Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA) dan kepimpinan seorang tokohnya iaitu Tan Sri Dr. Nordin Kardi. PERKAMA merupakan sebuah badan NGO yang menggerakkan profesional kaunseling di Malaysia. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Data kajian diperoleh melalui kaedah temu bual dan data yang diperoleh dianalisis secara kualitatif. Seramai 5 orang responden yang signifikan dalam bidang kaunseling dan PERKAMA telah ditemu bual termasuk Tan Sri Dr. Nordin Kardi. Dapatan menunjukkan semua peserta bersetuju Tan Sri Dr. Nordin Kardi merupakan presiden PERKAMA yang mempunyai personaliti yang dinamik di mana beliau sentiasa mengeluarkan idea yang jauh ke hadapan untuk membawa PERKAMA seiring dengan perkembangan bidang kaunseling. Idea dan kepimpinan beliau juga menjadi salah satu faktor yang mengekalkan beliau sebagai seorang Presiden PERKAMA. Selain itu, semasa tokoh memegang tampuk kepimpinan, beliau telah berjaya mendapatkan sebuah premis tetap sebagai pejabat PERKAMA. Beliau berjaya meletakkan PERKAMA di pentas antarabangsa. Berdasarkan dapatan juga, kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh tokoh dan perjuangan PERKAMA adalah masalah kewangan dan kekurangan komitmen daripada ahli dan jawatankuasa. Kajian ini sangat bermakna kepada kaunselor yang berminat untuk mengetahui sejarah, perkembangan dan perjuangan tokoh dan bidang kaunseling serta PERKAMA. Selain itu kajian ini boleh menjadi artifak yang berguna kepada pengkaji akan datang untuk menyelidik dengan lebih mendalam dalam bidang yang berkaitan dengan kajian ini.

Kata kunci : sejarah, persatuan kaunseling malaysia, kepimpinan

ABSTRACT

This article reports a research on the history of PERKAMA and the leadership of its president, Tan Sri Dr. Nordin Kardi. PERKAMA is a non-government organisation, having a role as the driving force for professional counselling in Malaysia. The case study method was applied to all respondents and the data has been analysed using qualitative analysis. There are five significant respondents, whom are very significant in the field of counselling and involvement in PERKAMA, including Tan Sri Dr. Nordin Kardi himself, have been interviewed to obtain most of the information for this research. Result showed, all respondents agreed that Tan Sri Dr. Nordin Kardi, being the President of PERKAMA has a dynamic personality in which he always bring up futuristic ideas in bringing PERKAMA on par with global expansion in the field of counselling. His ideas and leadership also has been one of the factors why the organisation maintains his position as the president. Apart from that, whilst still holding the post, he led the

organization to obtain a permanent premise which presently become the PERKAMA's headquarters and thus putting PERKAMA in the international limelight. The challenges and limitations faced by both the leader and the organization are financial and also lack of commitment from the committee. This research is remarkable to counsellors whom are interested to learn more about the history, the development, the personage's struggle, the field of counselling and PERKAMA. Furthermore, it can be made as a very useful artifact for future researchers to investigate in-depth in the field related to this research.

Keywords: history, malaysian counselling association, leadership

PENDAHULUAN

Persatuan Kaunseling Malaysia PERKAMA telah ditubuhkan pada tahun 1980. Pada tahun 2011, di dalam Mesyuarat Agung yang telah dijalankan, ahli-ahli mesyuarat telah bersetuju menukar nama PERKAMA menjadi Persatuan Kaunseling Antarabangsa Malaysia (PERKAMA *International*). Tujuan PERKAMA ialah, memajukan amalan kaunseling secara profesional, memajukan perkembangan profesional ahli-ahlinya, memperteguhkan identiti, harmoni, dan kerjasama dalam kalangan ahli-ahli yang terdiri daripada pelbagai disiplin melalui perkongsian maklumat dan pengalaman dan menyediakan sumber tenaga profesional dalam bidang kaunseling bagi membantu masyarakat menangani isu-isu sosial dan kesihatan mental.

Sejak tertubuhnya PERKAMA, pemimpin-pemimpinnya sentiasa memperjuangkan perkembangan profesion kaunseling di Malaysia. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa semua program perkhidmatan dan pendidikan kaunseling di Malaysia adalah dicetuskan oleh PERKAMA. Ia telah diperjuangkan secara kolektif atas semangat untuk melihat disiplin kaunseling berkembang serta mendapat pengiktirafan. Dengan demikian perkhidmatan kaunseling mula bertapak dan dengan adanya perkhidmatan kaunseling ini, permintaan kepada penyediaan sumber manusia terlatih dalam bidang kaunseling mula dirasakan.

PERKAMA telah berkembang dari tahun ke tahun sejak penubuhannya dengan dipimpin oleh Presidennya bermula dengan Puan Sri Fauziah Alyas (1982-1983), Profesor Dato' Dr. Amir Awang (1983-1984), Prof. Dato' Dr. Abdul Halim Othman (1984,1989), Profesor Dato' Dr. Amir Awang (1989-1993), Dato' Mohd Yunus Noor (1994-1999), Prof. Dato' Dr. Muhamad Mansur Abdullah (2000-2003), Prof. Dr. Suradi Salim (2003-2005), Tan Sri Dr. Nordin Kardi (2005-2013), Dato' Dr. Ismail Alias (2013-2015) dan Dato' Dr. Abd Halim Bin Mohd Hussin (2015- hingga kini).

PERKAMA telah memainkan peranan yang besar dalam mengangkat martabat profesion ahli dan masyarakat. Antara peranan PERKAMA yang telah dilaksanakan adalah mewujudkan perkhidmatan berhubung dengan isu-isu sosial, melaksanakan program perkembangan profesional bagi meningkatkan tahap kecekapan kaunselor, memperluaskan skop perkhidmatan persatuan dalam masyarakat dan komuniti, mewujudkan kaunseling komuniti bagi memenuhi keperluan sosial semasa, menggerakkan seluruh pengamal kaunseling untuk terlibat aktif dalam pembangunan komuniti secara profesional dan menjadi pendokong utama kepada Lembaga Kaunselor Malaysia untuk memastikan setiap pengamal kaunseling berdaftar dan berkelayakan.

Sebagai memenuhi tujuan penubuhan PERKAMA sebagai NGO yang profesional, banyak aktiviti dan program telah dijalankan. PERKAMA telah membuka keahlian untuk Ahli Seumur Hidup, Ahli Biasa, Ahli Bersekutu dan Ahli Pelajar terutama dalam kalangan mereka yang mempunyai kelulusan dalam bidang kaunseling dan mempunyai pengalaman sebagai kaunselor. Selain itu, PERKAMA telah menganjurkan Seminar dan Konferens di peringkat nasional dan antarabangsa. Setiap tahun, PERKAMA menerbitkan Jurnal PERKAMA yang mengandungi artikel-artikel yang berwasit sebagai rujukan untuk semua pihak yang berminat. PERKAMA juga telah berusaha membuat akreditasi perkhidmatan kaunseling sebagai garis panduan dalam menyediakan prosedur pemantauan ke atas pengamal individu dan kumpulan di mana-mana premis yang menjalankan perkhidmatan kaunseling. Seterusnya, PERKAMA telah mengadakan bengkel-bengkel pemantapan amalan kaunselor.

Objektif kajian ini adalah untuk : (1) Meneroka perkembangan bidang kaunseling di Malaysia dan penubuhan PERKAMA berdasarkan pandangan tokoh, (2) Mengenal pasti personaliti dan ciri kepimpinan tokoh dalam PERKAMA, (3) Mengenal pasti sumbangan, kejayaan, dan cabaran tokoh sebagai Presiden PERKAMA, dan (4) Memahami pemikiran tokoh tentang masa depan kaunseling.

METODOLOGI

Kajian kualitatif ini berbentuk kajian sejarah. Kajian jenis sejarah tentang sesuatu memerlukan pungutan data yang melibatkan pelbagai sumber termasuk pemerhatian, temu bual, analisis dokumen, artifak fizikal dan sebagainya (Creswell, 2003). Kajian ini hanya mengumpulkan data daripada temu bual.

Peserta Kajian

Lima peserta terlibat dalam kajian ini. Peserta kajian 1 yang merupakan data utama dalam kajian ini ialah Tan Sri Dr. Nordin Kardi yang merupakan Presiden PERKAMA yang paling lama memegang tampuk kepimpinan persatuan itu iaitu sejak tahun 2005 hingga tahun 2013. Peserta kajian 2 merupakan Bendahari PERKAMA dan berada di dalam Majlis Eksekutif ini pada penggal 1985-1987, 1987-1989, 1989-1991, 1991-1993, 1999-2001, 2001-2003, 2003-2005, 2005-2007, 2007-2009, 2009-2011, 2011-2013 sebagai Penolong Setiausaha dan Timbalan Presiden bermula tahun 2013 sebagai Timbalan Presiden. Peserta kajian 3 merupakan Setiausaha PERKAMA selama lima penggal berturut-turut bermula penggal 2003-2005, 2005-2007, 2007-2009, 2009-2011, 2011-2013 dan 2013-2015. Mulai tahun 2015 sehingga 2017 beliau merupakan Presiden PERKAMA waktu ini. Seterusnya, peserta kajian 4 bagi kajian ini ialah seorang ahli PERKAMA yang terawal menyertai persatuan ini. Beliau merupakan seorang personalia yang telah lebih 20 tahun mengenali Tan Sri Dr. Nordin Kardi dan juga terlibat secara aktif dengan aktiviti serta program PERKAMA. Peserta kajian 5 ialah Pegawai Eksekutif PERKAMA sejak tahun 2010. Beliau merupakan antara personalia menguruskan pejabat serta keperluan PERKAMA.

Pengumpulan dan Penganalisan Data Kualitatif

Data kajian ini di kumpul melalui temu bual tokoh-tokoh yang signifikan di dalam PERKAMA, Data ini telah dirakam secara audio dan ditranskripsikan.

DAPATAN KAJIAN

Objektif kajian 1: Meneroka sejarah perkembangan bidang kaunseling di Malaysia dan penubuhan PERKAMA berdasarkan pandangan tokoh

Perkembangan Bidang Kaunseling di Malaysia

Berdasarkan temu bual yang dijalankan dengan peserta kajian 1, Tan Sri Dr. Nordin Kardi, data menunjukkan bidang kaunseling telah bermula dengan keperluan aktiviti bimbingan kerjaya di sekolah dan seterusnya berkembang dengan pesat di pusat-pusat pengajian tinggi apabila ilmu-ilmu kaunseling mula didalami dan diperkembangkan. Institut pengajian tinggi yang terawal memperkembangkan bidang kaunseling adalah Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Universiti Putra Malaysia juga turut memainkan peranan besar sebagai pusat pendidikan kaunselor. Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Halim Othman pula telah dinyatakan sebagai tokoh yang telah memperkembangkan dan sentiasa berjuang untuk bidang kaunseling. Ulas peserta kajian 1:

Section 6, Paragraph 114, 38 characters.

Jadi daripada situ lah nampaknya kaunseling yang bukan lagi yang menjurus ke arah Guidance in School sebaliknya ada yang services in higher education dan sebagainya. Kaunseling mulai berkembang dari sekolah bermula dari akademik ke universiti.

Section 6, Paragraph 114, 40 characters.

Jadi itulah yang saya tengok apa yang terjadi dan kemudian di universiti pulak seingat saya di Universiti Kebangsaan Malaysia adalah universiti yang awal. Walaupun nama ijazah bukannya nama kaunseling... macam saya department Antropologi dan Sosiologi.

Section 16, Paragraph 1, 59 characters.

dari segi peruntukan undang-undang Malaysia adalah antara yang paling sangat pesat, saya check juga hanya Malaysia, Amerika, Kanada sahaja yang ada undang-undang mengaturkan kaunselor-kaunselor dengan undang-undang negara, negara-negara lain belum ada. Jadi Malaysia sangat advance dari segi perundangan mengenai profesion kaunselor dalam dunia.

Section 16, Paragraph 17, 74 characters.

UPM ini lah bagi saya universiti yang menjadi juara yang menghasilkan kaunseling, walaupun macam-macam kritikan pada awalnya di kalangan kami-kami ni lah, kawan-kawan itu dan ini tapi nak tak nak ini sudah menjadi realiti bahkan yang mengkritik ni juga dah mula mencipta ijazah-ijazah Bachelor di dalam bidang kaunseling.

Penubuhan dan Perkembangan PERKAMA

Berdasarkan temu bual yang dijalankan dengan peserta kajian 1, data menunjukkan penubuhan PERKAMA bertujuan untuk memudahkan perjumpaan dan pergerakan yang berkaitan dengan bidang kaunseling. Persatuan awal seperti *Selangor Vocational Guidance Assosiation* (SAVOGA) dan *Malaysia Vocational Guidance Assosiation* (MAVOGA) juga merupakan pencetus kepada penubuhan PERKAMA dan setelah PERKAMA semakin kukuh, SAVOGA dan MAVOGA sudah tidak aktif dan akhirnya telah lenyap. Perjuangan dan perkembangan PERKAMA adalah selari dengan perkembangan bidang kaunseling di Malaysia. Terdapat beberapa perjuangan PERKAMA yang telah mampu memartabatkan profesion kaunseling dan kemajuan bidang kaunseling di Malaysia. Kata peserta kajian 1:

Section 14, Paragraph 8, 37 characters.

PERKAMA pun tidak menjadi juara di pusat pemulihan dadah kalau tidak tentu PERKAMA menjadi juara pusat pemulihan dadah sekiranya orang yang berminat tentang dadah inilah yang paling ke hadapan untuk membawa kaunseling selain kaunseling di zaman sekolah.

Section 20, Paragraph 1, 75 characters.

kebanyakan yang lulusan US ini lah hanya mungkin Mohd Amir Awang, Allahyarham Yunus Mat Nor lulusan New Zealand, Amir Awang lulusan Canada, dah mula kenal masing-masing meneruskan aktiviti MAVOGA, SAVOGA macam Shamsudin Husin yang aktif dalam MAVOGA

Section 26, Paragraph 6, 54 characters.

tapi tak boleh dipadamkan sejarah bahawa Lembaga Kaunselor Malaysia dan juga Akta, PERKAMA lah. Yang.. tiba-tiba Menteri buat undang-undang untuk adanya akta untuk kaunseling semua ni daripada PERKAMA lah apa saja adalah selepasnya memang ada dan PERKAMA jugalah yang menyebabkan hadirnya perjumpaan di antara ahli-ahli akademik dalam bidang kaunseling, walaupun mereka duduk di universiti masing-masing.

Section 30, Paragraph 1, 47 characters.

Walaupun selepas orang yang mengusaha ini dah mula nak yang lain dari PERKAMA, ada yang kata nak buat kaunselor berdaftar dan sebagainya tapi tak boleh padamkan lagi lah rekod bahawa PERKAMA adalah bergerak seiring dari segi perundangan dan juga perkembangan dari segi akademik dan sebagainya.

**Objektif 2: Mengenal pasti personaliti dan ciri kepimpinan tokoh yang dikaji
Personaliti Diri Tan Sri Dr. Nordin Kardi**

Berdasarkan temu bual yang dijalankan dengan peserta kajian yang lain yang menjadi informan dalam kajian ini menunjukkan Tan Sri Dr. Nordin Kardi mempunyai personaliti diri yang mudah didekati, seorang yang artistik, proaktif, dan sentiasa menunjukkan sifat rendah diri dalam apa jua keadaan. Mereka juga bersependapat bahawa tokoh merupakan seorang yang berilmu dalam pelbagai bidang serta sentiasa mengaitkan falsafah-falsafah dalam kata-katanya.

Peserta kajian 2 :

Section 68, Paragraph 2, 21 characters.

Dia mudah bergaul dengan orang saya ingat, mudah bergaul dan mudah. Dia knowledgeable dan dia agak direct

Section 68, Paragraph 6, 37 characters.

And then, saya rasa dia memang mempunyai kepedulian yang tinggi tentang profesion kaunseling di Malaysia. Dia agak prihatin dan mungkin dia seorang yang idealistic dan banyak idea.

Section 80, Paragraph 13, 47 characters.

Tapi itu lah Tan Sri.. dia ada special as I said he has a lots of experience . He has a lots of kenalan. He has good knowledge kan. Dia ada ilmu undang-undang,, dan ilmu pentadbiran

Peserta kajian 3:

Section 46, Paragraph 9, 22 characters.

Jadi saya masuk ke kelas tu saya sangat berminat lah dengan pengajarannya because gaya pengajarannya yang bersahaja dan juga sangat philosophical.

Section 48, Paragraph 1, 31 characters.

Beliau seorang yang berani, tegas, dan mempunyai pandangan yang jauh terhadap perkara yang dilakukan. Dia berbeza sedikit lah dengan amalan biasa. Berani mencuba perkara-perkara yang baru..

Section 56, Paragraph 3, 14 characters.

Sebab Tan Sri ni banyak benda yang dia tahu. Peradabannya, kaedah pelaksanaan, prosedur, undang-undang.

Peserta kajian 4:

Section 40, Paragraph 1, 78 characters.

Ok, sebenarnya beliau suka menolong, dan dari segi personaliti dia seorang yang sosial.. Dia seorang yang kreatif dan berani cuba sesuatu yang baru, seorang yang merendah diri dan tidak suka menonjol. Beliau jenis yang kurang bermain politik di

pejabat, apa yang saya tengok dia seorang yang suka pada Teori Gestalt terutamanya pada prinsip "here and now". Dia akan tulin, apa yang dia rasa dia akan cakap.jadi kalau ada sesiapa yang belum mengenali beliau akan terasa la.. tapi sebenarnya dia tulin.

Section 46, Paragraph 1, 50 characters.

Beliau seorang yang kuat bekerja. Kalau kita perhatikan fakulti ini dua yang hadapan itu, dia punya idea yang menempatkan pondok-pondok bagi memudahkan pelajar belajar di belakang dan pokok-pokok semasa dia menjadi timbalan dekan dulu. Itulah beza dia seorang yang kreatif berbanding kalau orang yang tidak kreatif hanya fokus pada kerja dia sahaja.

Section 46, Paragraph 1, 11 characters.

Tan Sri merupakan seorang yang artistik dan seorang yang kreatif, tidak sukakan sesuatu yang sama, berulang-ulang dan berstruktur dan bila dapat partner yang berstruktur agak susah la..

Peserta kajian 5:

Section 58, Paragraph 1, 37 characters.

Kalau personaliti dia saya nampak dia tegas.. Makna dia ada penegasan kepada pada perkara yang dia rasa betul.

Section 68, Paragraph 1, 53 characters.

kadang-kadang idea dia tu terlalu tinggi sampaikan orang kat bawah dia ni tak boleh ikut idea dia. Idea dia banyak, bernas bila orang nak mengikut tu susah sikit.

Ciri kepimpinan Tan Sri Dr. Nordin Kardi

Berdasarkan temu bual yang dijalankan dengan peserta-peserta kajian yang rapat dengan tokoh menunjukkan beberapa ciri kepimpinan yang ditonjolkan oleh Tan Sri Dr. Nordin Kardi seperti mengamalkan demokrasi dan sering berbincang dengan ahli lain sebelum membuat sebarang keputusan. Beliau sering memberi idea yang jauh ke hadapan dan menjangkau keadaan semasa. Kata mereka:

Peserta Kajian 2:

Section 74, Paragraph 1, 96 characters.

Saya rasa dia tu tak ada masalah. I think kalau timbul dalam mesyuarat everything is dibenarkan untuk bercakap kan untuk beri komen. Tiap-tiap kita sama-sama setuju anything whatever decision yang dia buat dalam mesyuarat memang selepas dibincangkan. Kita tak buat decision dia sendiri. Of course tak semestinya semua orang setuju kan tapi dia memang ambik kira

pandangan because saya rasa dia jugak seorang tak mahu ambik tanggungjawab orang lain. Tapi he is a Presiden dia kena bertanggungjawab.

Peserta Kajian 3

Section 50, Paragraph 1, 97 characters.

Saya ingat sebagai seorang presiden baguslah, sebab beliau ada Idea-idea yang kreatif. Walaupun dia tak buat, dia suruh orang buat balik kan.

Maknanya dia mencabar, provoking dan menyebabkan dia berfikir sebab tak buat ya, dan apa yang di cabar itu ada asasnya lah, out of the box misalnya, perkara-perkara yang sebegitulah. Kadang-kadang saya pun kurang bersetuju juga dengan dia, tapi dia boleh menerima. Kalau dia rasa kena batalkan, saya batalkan, saya rasa sebagai setiuusaha, saya tiada masalah, bekerja dengan presiden. Pasal dia juga memberi ruang untuk mendengar pandangan setiuusaha. Dan dia pun sangat menghormati setiuusaha.

Section 50, Paragraph 23, 78 characters.

Kalau kita perlu bercakap dengan menteri, dia senang bagi bercakap. Menyampaikan bagi pihak orang ramai kan, pendek kata kehadirannya sebagai presiden sangat signifikan. Dia menguatkan.

Peserta Kajian 4

Section 36, Paragraph 6, 17 characters.

Alhamdulillah saya tengok Tan Sri lebih kreatif. Tapi bila saya tengok staf tidak seperti Tan Sri maka penatlah untuk menguruskan sesuatu.

Section 42, Paragraph 1, 23 characters.

Saya memang boleh menerima dia la sebab dia seorang yang ada idea, berani, yang tidak terikat pada peraturan jadi dia membuktikan diri dia seperti itu. Jadi oleh sebab itu PERKAMA tidak seperti dahulu lagi kerana idea-idea dan cara Tan Sri .

Section 54, Paragraph 1, 76 characters.

saya tiada dalam komuniti itu jadi susah untuk saya menjawab.. namun saya pernah bekerja dengan dia dan dia sebagai bos saya dan dia boleh nampak kalau orang itu pemalas atau tiada idea. Sepanjang saya kenal, dia seorang yang berpegang pada prinsip dan saya percaya dalam PERKAMA dia juga seperti itu. Cuma yang boleh saya katakan dia tidak boleh lakukan berseorangan tambahan pula dia bukan full time sebagai

presiden dan dia punya barisan jawatankuasa terdiri daripada pensyarah.

Section 56, Paragraph 1, 105 characters.

Saya yakin kerana, dia bergerak, dia dinamik kerana dulu persatuan ini hanya ada tapi seolah-olah tidak jelas dari segi visi dan misi. Berbanding dengan Tan Sri segala misi, visi dan objektif sangat jelas. Jadi senang untuk dia menuju kearah itu dia ada pembaharuan dan sebab itulah kita boleh nampak persatuan bergerak atau pun tidak. Seperti dahulu persatuan tetap ada tapi kita tidak dapat ukur sejauh mana perkembangan persatuan kerana visi dan misi yang kabur. Seperti Tan Sri walaupun dia sibuk dengan kerja lain namun dia tetap memikirkan apa yang terbaik, jadi kita nampak sesuatu yang tidak datang bergolek tapi yang diusahakannya.

Peserta Kajian 5

Section 58, Paragraph 4, 41 characters.

saya nampak dia ni ada character pemimpi..n dia dah banyak kali memimpin, jadi autoriti dia. Apa yang diri dia rasa betul.

Section 62, Paragraph 3, 27 characters.

Lepas tu dia ni kalau macam kita bekerja dengan dia tak ada la sangat protokol dia dengan dia. Maknanya kalau kita nak jumpa dia senang.

Section 70, Paragraph 2, 76characters.

idea dia contohnya kita dia nakkan PERKAMA ni menjadi sebuah institusi yang menawarkan program kaunseling yang diiktiraf. Jadi benda tu memang nampak macam senang tapi bila kita nak bekerja otak pula dengan lembaga kita jadi payah. Orang yang mengendalikan tu akan jadi susah sebab idea, dia bagi tapi dia tak bagi cara. Ha, dia dah bagi idea tapi tak bagi cara. Macam tu lah haa...

Objektif 3: Mengenal pasti sumbangan, kejayaan, dan kekangan tokoh sebagai Presiden PERKAMA

Sumbangan dan kejayaan Tan Sri Dr. Nordin Kardi dalam PERKAMA

Dapatan daripada temu bual menunjukkan Tan Sri Dr. Nordin Kardi banyak memberi sumbangan ke atas kejayaan PERKAMA sebagai sebuah persatuan yang banyak berjuang dalam bidang kaunseling. Sumbangan utama Tan Sri adalah dari segi idea dan juga membawa visi dan misi PERKAMA secara lebih jelas. Kejayaan yang dapat dilihat sepanjang Tan Sri Dr. Nordin Kardi menjadi presiden ialah beliau berjaya menyediakan premis tetap sebagai ibu pejabat PERKAMA dan juga telah membawa PERKAMA ke pentas antarabangsa. Pandangan ini dikongsi dalam kalangan peserta-peserta kajian sebagaimana berikut:

Peserta Kajian 2

Section 26, Paragraph 2, 46 characters

*saya ingat kalau kita dulu tak ada harta, sekarang kita dah ada harta.
sekarang kita dah international sampai ke nama pun.. We have change the name pun kan.*

Peserta Kajian 3:

Section 12, Paragraph 10, 36 characters

tetapi bila Tan Sri Nordin beliau melihat PERKAMA ni perlu berada di pentas dunia, menjadikan ia antarabangsa. Sebab itulah, masa Tan Sri Nordin ni kita tukar constitution kita nama persatuan kita daripada PERKAMA kepada PERKAMA International.

Section 18, Paragraph 14, 31 characters

...kita ada, satu ruang, premis kita panggil ya, yang kita beli. Itupun dapat duit bantuan daripada kerajaan juga, kita beli.

Peserta Kajian 4

Section 20, Paragraph 1, 73 characters

seolah-olah kita mempunyai persatuan dan macam rutin la macam biasa sahaja tapi bila sampai ke Tan Sri nampak perubahan yang ketara dan yang paling menonjol dia membawa kita ke peringkat international body yang lebih teratur dan lebih organize berbanding dulu ada persatuan tapi masih tidak mantap dari segi operasi tidak ada sesuatu yang baru dan sekadar menjadi ahli dan ada juga jurnal tapi masih belum cukup berbanding sekarang banyak perubahan.

Peserta Kajian 5:

Section 24, Paragraph 10, 47 characters

melihat PERKAMA ni bukan sekadar dekat Malaysia tapi dia kita nak dikembangkan sampai ke peringkat antarabangsa.. Dia punya vision dah banyak kali dalam mesyuarat agung dia kata "kita tak semestinya Presiden selepas ni adalah daripada Malaysia mungkin daripada mana-mana negara tetapi based kita dekat Malaysia"...

Cabaran memimpin dalam PERKAMA

Berdasarkan temu bual dengan peserta kajian menunjukkan terdapat kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh Tan Sri Dr. Nordin Kardi sepanjang meneraju kepimpinan PERKAMA. Cabaran yang dapat dikenalpasti ialah kekangan kewangan kerana PERKAMA merupakan

sebuah persatuan dan bergerak dengan sendiri tanpa sumber kewangan tetap. Seterusnya, exco PERKAMA dan ahli tidak dapat menyumbang semaksima mungkin idea dan tenaga kerana masing-masing sibuk dengan urusan utama mereka. Selain itu, peserta kajian berpandangan bahawa ahli jawatankuasa PERKAMA yang dipilih boleh menghadkan pergerakan persatuan kerana kebanyakan mereka adalah dalam kalangan pensyarah universiti.

Peserta Kajian 2

Section 38, Paragraph 25, 45 characters

Duit ahli pun tak ada sebenarnya. Ciput sangat. Ha, so I think itu la kekangan kita. Adalah duit. It's a big kekangan dengan kekangan duit kita tidak ada dan staff full time. Bila tak ada staff full time, nak menjaga satu-satu organisasi memang sakit la.

Peserta Kajian 3

Section 18, Paragraph 1, 35 characters

Saya tidak nafikan terdapatnya kelemahan la. Pertama, oleh kerana PERKAMA itu adalah NGO ya, non-government organization, selalunya NGO ni, berhadapan dengan masalah, yang pertama sekali masalah kewangan. Kita bukan satu badan yang menjana kewangan.

Section 18, Paragraph 6, 39 characters

Yang keduanya, bila NGO, ahli-ahli yang melaksanakan program ini ialah mereka yang bekerja. Jadi kekangan masa selalunya menghantui organisasi. Sebab itu kita memerlukan orang yang komited, makna boleh membahagikan masanya. Mensedekahkan masanya untuk persatuan.

Section 32, Paragraph 1, 39 characters

Kekangannya ialah tidak menunjukkan minat. Mungkin yang muda-muda ni mereka berhadapan dengan masalah kewangan, baru bekerja, gaji tak seberapa, nak commit tiap-tiap hari pun kena kira banyak juga. Lepas tu nak datang mesyuarat, jauh. Kita datang mesyuarat bukan berbayar.

Peserta Kajian 4

Section 26, Paragraph 1, 61 characters

Ok, kalau kekurangan mungkin ada. Seperti Tan Sri dah ada idea tapi kalau ahli sokongan yang lain hanya menunggu penat juga chairman. Sedangkan chairman ada idea tapi sekarang ini perlaksanaannya itu saya tengok masih perlu profesional. Jadi mungkin management side itu masih kurang.

Peserta Kajian 5

Section 30, Paragraph 4, 48 characters

Yang keduanya, adalah dari segi mempromosikan sebab saya nampak PERKAMA ni when walaupun dia adalah persatuan yang lama tetapi bila dia ada, terlalu ramai pendidik dalamnya yang mereka ini ialah profesional educator jadi dia tidak nampak, aa, macam mana kita nak bekerja secara bawahan pulak.

Section 30, Paragraph 14, 96 characters

Ada saya nampak kekurangan itu ialah dalam kelompok yang sama. Dia dalam kelompok yang sama tetapi dia tak ambik kelompok yang lain. Maknanya mereka ni bekerja dalam kelompok universiti sahaja. Macam AJK pun kalau kita tengok AJK dia kebanyakan semuanya dari universiti. Jarang la tengok daripada sekolah, daripada institusi-institusi lain. susah kita nak berkembang. Dia berkembang dekat universiti jelah. dekat sektor-sektor lain kita terpaksa promote cara lain pulak untuk mendapatkan kerjasama orang lain.

Objektif 4: Memahami pemikiran tokoh tentang masa depan kaunseling

Pemikiran Tan Sri Dr. Nordin Kardi tentang masa depan kaunseling.

Temu bual telah dijalankan dengan peserta kajian 1, Tan Sri Dr. Nordin Kardi, tentang harapan dan pandangan terhadap masa depan kaunseling di Malaysia. Pada hemat beliau, masa depan kaunseling boleh mencapai ke peringkat antarabangsa dan mampu untuk menyumbang kepakaran kaunseling kepada negara-negara luar. Tokoh melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang telah maju dalam bidang kaunseling dan mampu untuk menarik perhatian negara luar untuk datang ke negara ini bagi mendalami ilmu kaunseling. Dapatan kajian menunjukkan tokoh amat menekankan tentang pengantarbangsaan bidang kaunseling Malaysia agar setanding seperti diluar negara.

Peserta Kajian 1

Section 85, Paragraph 26, 128 characters

Saya tertarik dengan Thailand, di Thailand tu bermacam-macam badan antarabangsa yang ada tapi based dia di Bangkok tak boleh lari kemana-mana pun. Jadi apa salahnya Malaysia pun menjadi begini, bukan sahaja PERKAMA tetapi semua badan-badan yang lain menjadi international, sekretariat mestilah di Malaysia tetapi akan datang mungkin Presiden PERKAMA mungkin datang dari Australia ke, daripada New Zealand ke daripada US ke, sila.. tetapi setiausaha agung dan tempatnya mestilah di Malaysia. Itu pengalaman saya melihat di Bangkok lah. Jadi saya kata boleh

buat lah ni yang kita cuba buat didalam PERKAMA sekarang ni selain daripada kita memantau aktiviti-aktiviti kaunseling di Malaysia ini lah, selain daripada kita menawarkan, perkara biasa lah bagi ini seminar, platform, orang buat presentation itu dah lama mahir lah PERKAMA ini tapi yang satu lagi tu saya ingin meng internationalkan PERKAMA.

Section 85, Paragraph 41, 62 characters

Jadi menginternationalkan PERKAMA tidak memadai dengan membuat seminarnya dan sebagainya sahaja kita mesti berani dan agresif bagi menawarkan PERKAMA bagi keahlian terbuka kepada orang di seluruh dunia kita dah buat semua ini dah. Mungkin banyak persatuan lain dah buat Malaysian Centric tetapi kami tidak, silakan kalau esok ada ahli yang dari luar negara yang tiba-tiba dibenarkan menjadi Presiden, sila.. tetapi Setiausaha Agung mestilah orang sini..

Section 95, Paragraph 1, 51 characters

Ya, angan-angan selanjutnya adalah kalau boleh PERKAMA ada sebidang tanah, bangunan besar di situ kita ada kemudahan yang bertaraf international ada logo PERKAMA di atas bangunan yang tinggi dan besar itu ada kemudahan training PERKAMA yang tak payah lagi training dan PERKAMA ada income yang tetap. Dan itulah angan-angan PERKAMA yang selanjutnya.

Section 109, Paragraph 1, 206 characters

Jadi PERKAMA ini boleh jadi ACA dan APA dimana dikendalikan secara betul-betul profesional oleh dengan bilangan staf yang ramai dan bidang pengkhususan boleh menjalankan international seminar seumpunya supaya macam direction kami ini ialah nak membawa kaunselor Malaysia ini ke international jadi exposure kita international sebab apa perkembangan di dunia ini kita tahu kerana kita bukan ketinggalan kalau dibandingkan dengan negara yang lain macam yang saya katakan tadi tu lah jadi mengapa kita nak tutup dengan Malaysia sahaja kan dan boleh mengajar orang lain di tempat lain kan bila kita advance kita sepatutnya mengajar orang di tempat lain juga kan. Sekarang ni Alhamdulillah Indonesia memandang tinggi kepada kita dah banyak kali dah kita buat seminar dia orang datang jumpa saya sendiri dan mengatakan.. oh, Malaysia jauh lagi ke hadapan jika dibandingkan dengan mereka. Dan saya kata saya nak dengar yang macam ini juga lah kenapa Malaysia tidak confident untuk menggantikan US yang mana dulu US menang dalam leading dalam kaunseling. Dia yang anjurkan itu kita pergi, dia anjurkan yang ini kita pergi dia lead, tak boleh ke Malaysia juga lead. PERKAMA lead, orang Indonesia pergi,

orang Filippina nak, kita bagi. Meraka nak advice, kita bagi advice. Yang macam orang US datang advice, kerana kita lebih kurang sama dengan mereka, jadi mengapa kita hendak merasa rendah diri. Itulah angan-angan saya.

Section 109, Paragraph 24, 70 characters

Orang Malaysia keluar pergi ajar orang lain sekarang ini baru lah kita nampak nak improve kan diri kita ni kan sebab kita mengajar orang tak kan kita nak kekal di takuk itu lagi kan mestilah kita lebih bagus kan. Jadi untuk kita jadi lebih bagus mestilah apabila kita mula memberi servis kepada orang lain dalam apa-apa bidang pun saya percaya itu. Kita mesti sudah boleh lead orang lain dan itulah dia.

Section 111, Paragraph 10, 92 characters

Sudah sampai masanya PERKAMA keluar untuk mengajar orang lain pergi ke dunia lain, pergi ke Afrika, pergi ke Timur Tengah sebarkan idea nak buat ilmu kaunseling ni bukan datang dari luar kita pun dipandang tinggi.. daripada Iran misalnya kaunselor dan kita kata hebatnya Iran.. sekarang ni tengok kita dia pun belum ada undang-undang mengenai kaunselor di Iran jadi mengapa kita kata dia lebih bagus daripada kita . Jadi kita ni advance tau.. sampai masa dah kita kena keluar dah pergi ajar orang lain jadi consultant sana jadi consultant sini di luar negara.

Section 147, Paragraph 1, 146 characters

Bidang kaunseling ini kita mulai meneroka solution-solution tempatan di Malaysia sendiri. Malaysia based research yang boleh kita menjumpai benda yang kita tak ada di US, di UK, Europe dan sebagainya.. Lalu kita bagitau kepada orang lain dan orang lain datang belajar dengan kita.. dan saya nak dalam bidang akademik ini juga datang belajar dekat kita juga selain daripada kita belajar dekat orang lain... juga selain orang lain datang belajar dekat kita juga.. Orang datang kerana kita tak datang jaja-jaja je tau... Di sini ada sesuatu yang kita temui sendiri jadi orang lain nak datang belajar dengan kita..

Section 147, Paragraph 10, 49 characters

Kemudian dari segi PERKAMA, ekonomi lah, biarlah PERKAMA ini selesa dari segi kedudukan ekonomi sendiri kalau boleh ada sumber pendapatan itu sendiri boleh lah tanpa meminta-minta daripada orang lain, badan-badan kerajaan dan macam yang saya kata sendiri nak ada rumah sendiri dan satu lagi Goal International mesti menjadi antarabangsa.

Section 149, Paragraph 1, 52 characters

Bukan kita kata perlu namakan international maka kita namakan international.. PERKAMA INTERNATIONAL pun tak jadi kita kena betul-betul real la kalau kita kata international, kita perlu menjadi pemain dunia la, tawarkan perkhidmatan kita kepada orang lain di Timur Tengah dan juga Afrika dan Asia.. Kita kena keluar.. keluar... Selain daripada orang datang.

PERBINCANGAN

Sejarah Bidang Kaunseling Dan PERKAMA Berdasarkan Pandangan Tokoh

Berdasarkan temu bual yang dijalankan dengan Tan Sri Dr. Nordin Kardi, data menunjukkan bidang kaunseling bermula di sekolah iaitu dalam bidang bimbingan kerjaya seawal tahun 70-an dan kemudiannya mula berkembang di pusat-pusat pengajian tinggi yang mula menghantar tenaga pengajarnya ke luar negara bagi mendalami ilmu kaunseling. Perkembangan ini bermula apabila Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mula menawarkan kursus kaunseling di universiti tersebut. Universiti Putra Malaysia (UPM) yang dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia pada ketika itu mengorak langkah memperkenalkan Bachelor Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling bagi guru-guru lepasan maktab dan seterusnya terus mengorak langkah dalam menghasilkan graduan dalam bidang pendidikan Bimbingan dan Kaunseling. Sehingga sekarang, bidang kaunseling telah mula ditawarkan di kebanyakan Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.

PERKAMA kini sudah berusia lebih 33 tahun namun jika dibandingkan dengan persatuan kaunseling yang terdapat di Amerika seperti *American Counseling Assosiation* (ACA), PERKAMA boleh dianggap sebuah persatuan yang masih baru. Ini kerana bidang kaunseling di pelopori oleh Amerika Syarikat mempunyai persatuan yang jauh lebih lama di tubuhkan berbanding dengan PERKAMA seperti *American Psychological Assosiation* (APA) telah ditubuhkan di Clark University pada tahun 1892 dan persatuan ini telah diperbadankan pada tahun 1925 di Washington, DC. APA adalah organisasi saintifik dan profesional yang terbesar mewakili bidang psikologi di Amerika Syarikat dan ia adalah persatuan ahli psikologi yang terbesar di dunia (*American Psychological Association*.(n.d.) Retrieved from <http://www.apa.org/>). Begitu juga dengan *American Counseling Assosiation* yang telah ditubuhkan pada tahun 1952 (*American Counseling Assosiation*.(n.d.) Retrieved from <https://www.counseling.org/>).

Menurut Scorzelli (1987) dalam mengulas kemunculan kaunseling sebagai satu profesion di Malaysia, telah menyamakannya dengan perkembangan yang berlaku di Amerika. Menurut beliau, *The similarities between the emergence of counseling in Malaysia and the history of counseling in the United States illustrate the importance of strong professional association and the role of counselor education*. Menurut beliau, perkembangan kaunseling di Malaysia menyamai perkembangan yang berlaku di Amerika Syarikat yang bergantung pada kekuatan pertubuhan profesional dan pendidikan kaunselor. Ini menunjukkan PERKAMA juga banyak mempengaruhi perkembangan bidang kaunseling di Malaysia kerana PERKAMA adalah satu-satunya pertubuhan profesional bidang kaunseling yang ditubuhkan ketika itu bagi memperjuangkan bidang kaunseling dan pengamalannya. Dari

segi perkembangan PERKAMA, ianya jauh lebih cepat berkembang jika dibandingkan dengan persatuan kaunseling dari negara-negara jiran kerana dalam masa beberapa tahun sahaja penubuhan PERKAMA, Akta Kaunselor telah digariskan dan menjadi negara yang terawal yang mempunyai undang-undang bagi pengamal bidang kaunseling, selain dari ACA dan British Association for Counseling and Psychotherapy (British Association for Counselling & Psychotherapy (n.d.).

Menurut Salazar & Clemana (1993), Persatuan Bimbingan Filipina yang merupakan organisasi formal pertama kaunselor di Filipina, telah ditubuhkan pada tahun 1945 dan sebuah lagi Persatuan Kaunselor Bimbingan Filipina telah ditubuhkan pada tahun 1953, yang merupakan asas kepada pertubuhan Philipines Guidance & Personnel Association (PGPA) yang kemudiannya dikenali sebagai Philipines Guidance & Counseling Association (PGCA) pada tahun 1965. Walaupun Filipina telah mempunyai persatuan PGCA lebih awal daripada Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA), namun sehingga sekarang Filipina masih belum mampu menggariskan kod undang-undang bagi pengamal kaunseling di negara itu. Jika diteliti perkembangan kaunseling di Filipina, ianya lebih cenderung kepada bimbingan kerjaya. Kaunselor dicabar bagi menyediakan pelajar dengan kerjaya yang akan memberikan mereka kepuasan, keselamatan, kewangan dan peluang pekerjaan selepas tamat pengajian (Philippine Guidance and Counseling Association.(n.d.).

Personaliti dan Kepimpinan Tokoh

Dapatan kajian menunjukkan Tan Sri Dr. Nordin Kardi mempunyai personaliti diri yang mudah didekati, seorang artistik, proaktif, dan sentiasa menunjukkan sifat rendah diri dalam apa jua keadaan. Beliau juga merupakan seorang yang berilmu dalam pelbagai bidang serta sentiasa mengaitkan falsafah dalam kata-katanya. Sifat semula jadi personaliti tokoh telah terserlah sejak tokoh masih muda lagi. Tokoh dikatakan sentiasa menunjukkan sifat rendah diri dan tidak erlalu berprotokol dalam kehidupan seharian.

Menurut pendekatan teori *Lead Management*, seseorang pengikut atau pekerja akan memberikan sepenuh komitmen dan melakukan kerja dengan penuh berkualiti apabila berhadapan dengan ketua yang memahami dan memenuhi keperluan asas mereka sebagai seorang manusia. Tokoh merupakan seorang yang sentiasa mudah bergaul dengan sesiapa sahaja dan menghormati ahli persatuan dan juga orang lain sebagai seorang manusia yang mempunyai kuasa untuk menentukan pilihan dan bertanggungjawab ke atas diri mereka.

Sejarah menunjukkan dengan jelas pengaruh kepimpinan telah memberi impak yang besar kepada sesebuah organisasi dari segi ekonomi, politik, keselamatan dan kepercayaan. Kajian dan penyelidikan menyeluruh juga telah dimulakan sejak abad lalu dan persoalan berkaitan pemimpin dan kepimpinan telah lama menjadi isu perbincangan dalam membincangkan isu kecemerlangan organisasi dan pengaruh kepimpinan. Ianya telah menunjukkan dengan jelas bahawa kepimpinan adalah aspek utama dan pemimpin atau ketua adalah merupakan aset paling penting dalam sesebuah organisasi dan akan memberi kesan terhadap pengurusannya. Dapatan kajian menunjukkan beberapa ciri kepimpinan yang ditonjolkan oleh Tan Sri Dr. Nordin Kardi seperti mengamalkan konsep demokratik dalam kepimpinan dan sering berbincang dengan ahli lain sebelum membuat sebarang keputusan.

Kepimpinan demokratik pula mengamalkan gaya kepimpinan di mana ketua dan individu dibawahnya terlibat secara bersama di dalam proses membuat keputusan sama ada melalui perbincangan atau mesyuarat. Walau bagaimanapun keputusan terakhir adalah diperolehi daripada pemimpin dengan mengambil kira kepada situasi semasa dan pendapat yang telah diberikan. Mengikut gaya kepimpinan demokratik, kaedah yang digunakan oleh pemimpin adalah berorientasikan pengurusan berpasukan. Oleh itu, ini menunjukkan tokoh mengamalkan ciri kepimpinan demokratik dan amat disenangi oleh ahli yang dipimpinya.

Beliau sering memberi idea yang jauh ke hadapan dan menjangkau keadaan semasa. Dalam perhubungan dengan ahli dan jawatankuasa PERKAMA, tokoh lebih mudah bersikap bersahaja namun tegas dalam arahan dan tindakan. Jika dikaitkan dengan fahaman Model *Lead Management* yang memberi penekanan kepada pendekatan yang berkait rapat dengan motivasi intrinsik (dalaman) yang jauh berbeza dengan konsep tradisional boss management yang sentiasa melibatkan motivasi ekstrinsik (luaran) serta mengaplikasikan teknik berbentuk paksaan seperti pelan insentif dan pelbagai bentuk hukuman, tokoh jelas telah mengutamakan motivasi dalaman dengan tidak memaksa atau menghukum ahli lain di bawah pimpinannya, sebaliknya sentiasa memberi kesedaran dan cuba memenuhi keperluan ahli.

Kepimpinan ketua amat berkait rapat dengan kejayaan dan kemenjadian dalam sesuatu organisasi kerana ketua merupakan kapten yang akan mengemudi dan menentukan hala tuju. Jadi, kejayaan dan sumbangan PERKAMA juga amat berkait rapat dengan kepimpinan yang dibawa oleh seseorang presiden. Dapatan kajian menunjukkan, responden mengakui banyak perubahan dan kejayaan yang dicapai oleh PERKAMA semasa kepimpinan Tan Sri Dr. Nordin Kardi seperti menyediakan sebuah pejabat PERKAMA di premis tetap dan juga perubahan nama PERKAMA kepada PERKAMA International.

Sumbangan, Kejayaan dan Cabaran

Dapatan kajian menunjukkan Tan Sri Dr. Nordin Kardi banyak memberi sumbangan dan menunjukkan kejayaan PERKAMA sebagai sebuah persatuan yang banyak berjuang dalam bidang kaunseling. Sumbangan utama Tan Sri adalah dari segi idea yang sentiasa kreatif dan memandang jauh ke hadapan dan juga membawa visi dan misi PERKAMA secara lebih jelas. Dalam sesuatu organisasi, pemimpin adalah merupakan elemen terpenting dan menjadi mekanisma utama dalam merealisasikan agenda sesebuah organisasi dan seterusnya membawa ke arah kecemerlangan.

Kejayaan sepanjang Tan Sri Dr. Nordin Kardi menjadi presiden ialah mendapatkan premis tetap sebagai ibu pejabat PERKAMA dan membawa PERKAMA ke pentas antarabangsa. Kejayaan tersebut merupakan antara sumbangan tokoh dalam perjuangannya untuk bidang kaunseling dan PERKAMA amnya. Peranan tokoh dalam membantu kejayaan PERKAMA tidak dinafikan oleh semua responden dan bersetuju dengan idea serta pandangan jauh yang ditonjolkan oleh tokoh semasa membawa PERKAMA ke persada antarabangsa.

Selain daripada kejayaan dan sumbangan yang telah dikecapi, terdapat beberapa kekangan dan cabaran yang dipersetujui oleh semua responden. Kekangan dan cabaran yang dikenal pasti ialah kekangan kewangan kerana PERKAMA merupakan sebuah persatuan yang bergerak dengan sendiri tanpa sumber kewangan tetap.

Cabaran besar yang dialami oleh tokoh adalah dari segi masa dan komitmen kerana tokoh tidak dapat memberi komitmen sepenuh masa disebabkan mempunyai komitmen kerja di tempat lain. Selain itu, kurang komitmen daripada ahli jawatankuasa PERKAMA juga menjadi cabaran kepada beliau. Selain itu, beliau berhadapan dengan isu kurang kepelbagaian profesion dalam jawatankuasa PERKAMA telah menghadkan perkembangan dan pergerakan persatuan ini kerana kebanyakan ahli jawatankuasa adalah dalam kalangan pensyarah universiti. Kekangan dan cabaran ini menyebabkan PERKAMA tidak mampu bergerak secara optimum.

Pemikiran Tokoh tentang Kaunseling

Sepanjang kajian dijalankan, beberapa pemikiran tokoh berkaitan dengan masa depan kaunseling dan PERKAMA telah dapat dikenal pasti. Pemikiran ini melibatkan harapan dan pandangan tokoh terhadap masa depan kaunseling di Malaysia. Antara pemikiran beliau tentang masa depan kaunseling adalah menjadikan bidang kaunseling di Malaysia sebagai salah satu bidang yang berkembang sehingga ke peringkat antarabangsa dan mampu untuk memberi perkhidmatan kepakaran kepada negara-negara luar. Tokoh juga melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang telah maju dalam bidang kaunseling sehingga mampu untuk menarik perhatian negara luar untuk datang ke negara ini bagi mendalami ilmu kaunseling. Dapatan kajian menunjukkan tokoh amat menekankan tentang pengantarabangsaan bidang kaunseling. Dapatan ini juga diperoleh daripada triangulasi temu bual bersama dengan responden yang lain yang kerap memperkatakan pemikiran tokoh yang ingin menjadikan bidang kaunseling dan PERKAMA amnya sebagai bidang yang mampu berada di peringkat antarabangsa.

Tokoh juga melihat bidang kaunseling di Malaysia sebagai bidang yang sedang berkembang dan boleh diklasifikasikan sebagai bidang yang telah maju jika dibandingkan dengan negara-negara jiran (Tuicomepee, Romano, dan Pokaeo, 2012, Thai Psychology Association. (n.d.), dan Guidance Association of Thailand (n.d.), Philippine Guidance and Counseling Association.(n.d.), Asosiasi Bimbingan dan Konseling Indonesia. (n.d.)). Tokoh melihat kemampuan Malaysia sebagai rujukan dan mampu untuk membantu negara jiran yang memerlukan konsultasi atau perkongsian ilmu. Jika dilihat kemampuan PERKAMA pula, tokoh merasakan PERKAMA mampu untuk menjadi seperti persatuan kaunseling yang gah seperti ACA, namun memerlukan sedikit masa, perlu mempunyai staf tetap yang menguruskan persatuan, mencapai kemampuan kewangan, serta komitmen pengamal kaunseling di Malaysia untuk menyertai dan aktif dalam PERKAMA. Namun, jika dibandingkan dengan negara-negara jiran, Malaysia adalah antara negara yang mempunyai akta terhadap pengamal kaunseling dan ini jelas menunjukkan bidang kaunseling di negara ini telah maju, tetapi akan lebih kukuh dan berkembang pesat sekiranya kekangan-kekangan yang wujud dapat diatasi dengan baik.

Implikasi Kajian

Gabungan Teori Pilihan Terapi Realiti dan Model *Lead-Management* dijadikan panduan dalam mengkaji personaliti dan ciri kepimpinan tokoh dalam PERKAMA serta melihat kejayaan, sumbangan dan cabaran yang dialami oleh tokoh. Berdasarkan latar belakang kehidupan, tokoh berasal daripada keluarga yang susah dan perlu melalui kepayahan dalam

menempuhi kehidupan seharian, menjadikan tokoh seorang yang sentiasa merendah diri dan tidak menjadikan kesenangan yang dikecapi sekarang sebagai ruang untuk tidak terus berjuang. Tokoh tetap memenuhi keperluan asas kehidupan dengan melibatkan diri dalam pelbagai bidang ilmu dan aktiviti. Idea dan pemikiran tokoh tidak terlalu menjurus hanya kepada bidang kaunseling, tetapi masih mendalami ilmu-ilmu lain yang dirasakan mampu memenuhi keperluan asas kehidupan tokoh.

Personaliti dan ciri kepimpinan yang ditonjolkan tokoh menunjukkan tokoh mengamalkan prinsip-prinsip yang digariskan dalam Teori *Lead-Management* dan bukanlah *Boss-Management* yang kurang efektif dalam bidang kepimpinan. Tokoh memenuhi keperluan dan kehendak bersama serta sentiasa melibatkan ahli lain dalam pembuatan keputusan juga perancangan program.

Kajian ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada PERKAMA dan individu yang berminat dalam bidang kaunseling. Kajian ini diharap membantu pembaca memahami tokoh, PERKAMA dan bidang kaunseling dari aspek sejarahnya iaitu rentetan peristiwa serta pengalaman yang dilalui oleh tokoh yang menerajui kepimpinan PERKAMA yang paling lama memegang jawatan sebagai Presiden. Kajian ini juga turut membincangkan tentang kejayaan yang telah dicapai oleh PERKAMA semasa kepimpinan tokoh dan ianya mempengaruhi perkembangan bidang kaunseling di Malaysia.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menghuraikan tentang pandangan tokoh terhadap sejarah dan perkembangan bidang kaunseling serta PERKAMA berdasarkan pengalaman dan penglibatan beliau. Kajian ini juga telah menghuraikan personaliti dan kepimpinan tokoh, sumbangan, kejayaan dan kekangan tokoh dalam menerajui PERKAMA dan juga melihat pandangan tokoh terhadap masa depan bidang kaunseling di Malaysia. Melalui idea Tan Sri Nordin Kardi PERKAMA semakin jelas dan terarah ke pentas tempatan dan antarabangsa.

RUJUKAN

- American Counseling Association.(n.d.) Retrieved from <https://www.counseling.org/>
- American Psychological Association.(n.d.) Retrieved from <http://www.apa.org/>
- Asosiasi Bimbingan dan Konseling Indonesia. (n.d.) Retrieved from <http://abkin.org/>
- British Association for Counselling & Psychotherapy (n.d.) Retrieved from <http://www.bacp.co.uk/>
- Philippine Guidance and Counseling Association.(n.d.) Retrieved from <http://pgca.org.ph/>
- Salazar & Clemena (1993). *Counseling and Values Education : Steps to Peace in The Asian Setting*. De La Salle University Press.
- Scorzelli, J. F. (1987). Counseling in Malaysia: An emerging profession. *Journal of Counseling and Development*, 65, 238-240.
- Tuicomepee, A., Romano, J.L. dan Pokaeo, S. (2012). Counseling in Thailand:Development From a Buddhist Perspective. *Journal of Counseling & Development*, 90, 357-351.
- Thai Psychology Association. (n.d.) Retrieved from American Psychological Association website <http://www.apa.org/international/networks/organizations/national-orgs.aspx>
- Guidance Association of Thailand (n.d.) Retrieved from Career Guidance – Quality Learning Foundation website <http://en.qlf.or.th/wp-content/uploads/2014/06/Career-Guidance.pdf>